Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 7, e001864
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i7.1864

Kesedaran Kendiri dan Pengetahuan Awal Murid Terhadap Isu-Isu Kelestarian Alam Sekitar dalam Mata Pelajaran Sejarah

(Self-Awareness and Prior-Knowledge of Student's on Environmental Sustainability Issues in History Subject)

M. Kaviza[1*], Nurliyana Bukhari[2]

[1]Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM, Sintok, Kedah, Malaysia.
Email: kavizakaviza@yahoo.com
[2]Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM, Sintok, Kedah, Malaysia.
Email: nurliyana@uum.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
M. Kaviza
(kavizakaviza@yahoo.com)

KATA KUNCI:
Kelestarian Alam Sekitar
Kesedaran kendiri
Pengetahuan awal
Murid
Mata pelajaran sejarah

KEYWORDS:
Global Sustainability
Appreciation
History subjects
Students

CITATION:
Kaviza, M. & Nurliyana Bukhari. (2022). Kesedaran Kendiri dan Pengetahuan Awal Murid Terhadap Isu-Isu Kelestarian Alam Sekitar dalam Mata Pelajaran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(7), e001864. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i7.1864

ABSTRAK

Kajian kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesedaran kendiri dan profil pengetahuan awal murid sejarah terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar berdasarkan jantina dan aliran mata pelajaran. Kajian ini juga bertujuan untuk menentukan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara min kesedaran kendiri dan pengetahuan awal terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar. Seramai 180 orang murid tingkatan empat yang telah ditentukan berdasarkan teknik persampelan rawak terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian ini merupakan soal selidik dan ujian yang telah diadaptasi dan disahkan kesahan kandungan dan konstruknya oleh pakar-pakar penilai serta mempunyai nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* dan *Kuder Richardson* yang baik. Data kajian ini dianalisis secara statistik deskriptif dan inferensi iaitu ujian korelasi Pearson dengan menggunakan perisian pengaturcaraan IBMSPSS. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap kesedaran kendiri dan profil pengetahuan awal murid sejarah terhadap isu-isu kelestarian Alam Sekitar berada pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun, tahap kesedaran kendiri dan profil pengetahuan awal murid sejarah terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar juga berada pada tahap sederhana berdasarkan jantina dan aliran mata pelajaran. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa terdapat hubungan linear positif yang signifikan secara sederhana tinggi antara kesedaran kendiri dan pengetahuan awal terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar. Implikasi kajian ini yang telah memaparkan maklumat bahawa tahap kesedaran kendiri dan profil pengetahuan awal yang sederhana terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar dalam kalangan murid sejarah telah mencadangkan kepada guru-guru sejarah untuk menerapkan elemen Kelestarian Alam Sekitar dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi mengukuhkan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

keterampilan modal insan yang dihasratkan dalam kurikulum sejarah.

ABSTRACT

This quantitative with survey design aims to identify the level of self-awareness and profile of prior-knowledge of history students on their Environmental Sustainability issues based on gender and subject stream. This study also aims to determine whether there is a significant relationship between mean of self-awareness and prior-knowledge of Environmental Sustainability issues. A total of 180 form four students' who have been determined based on the random sampling technique are involved in this study. The research instrument is an adapted questionnaire and test which has been verified for content dan construct validity by evaluators and has good reliability values of Cronbach Alpha dan Kuder Richardson. The data of this study was analyzed using descriptive and inferential statistics, such as Pearson correlation test using IBM SPSS programming software. The findings of this study showed that the level of self-awareness and profile of prior-knowledge among history students' towards Environmental Sustainability issues is at moderate level and also at moderate level based on gender and subject stream. However the findings of this study also indicated that there is a moderately high positive linear significant relationship between self-awareness and prior-knowledge of Environmental Sustainability issues. The implicatons of this study which has shown the information that the moderate level of self-awareness and prior-knowledge towards Environmental Sustainability issues among history students has suggested to history teachers to integrate the elements of Environmental Sustainabilty issues in the teaching and learning process in line to strengthen human capital skills required in the history curriculum.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini memberikan gambaran tentang kesedaran dan pengetahuan awal murid terhadap isu-isu kelestarian alam sekitar dalam kalangan murid.

1. Pengenalan

Konsep pelaksanaan Pendidikan Alam Sekitar dalam kurikulum bukanlah sesuatu yang asing lagi kerana ianya telah mula diaplikasikan mulai tahun 1998 pada semua peringkat persekolahan (Jessica, Mohamadisa Hashim & Yazid, 2020). Pendidikan Alam Sekitar adalah bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan kefahaman murid-murid terhadap kepentingan alam sekitar, di samping untuk membantu masyarakat menyedari dan memahami isu-isu alam sekitar serta dapat menguasai kemahiran dan kesungguhan dalam usaha menyelesaikan isu-isu alam sekitar yang timbul (Nurul Hidayah, Haryati Shafiri & Seow, 2013). Hal ini bertepatan dengan inisiatif pihak *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) yang sangat komited terhadap penjagaan alam sekitar melalui pelaksanaan Sistem Pengurusan Alam Sekitar yang bermatlamat untuk meminimumkan kesan negatif

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

terhadap alam sekitar dengan harapan dapat meningkatkan kualiti pencapaian alam sekitar yang baik sepanjang masa (UNESCO, 2022). Rentetan daripada itu, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia turut menyahut inisiatif pihak UNESCO tersebut dengan menerapkan konsep Pendidikan Alam Sekitar melalui penerapan Elemen Merentas Kurikulum (EMK) dalam kurikulum mata pelajaran (Pusat Perkembangan Kurikulum [PPK], 2018). Hal ini demikian kerana pendedahan mendalam tentang isu-isu alam sekitar dapat dilakukan melalui pendidikan formal mahupun pendidikan tidak formal di sekolah.

Sehubungan dengan itu, mata pelajaran sejarah juga turut tidak ketinggalan dalam menerapkan konsep Pendidikan Alam Sekitar dalam kalangan murid. Hal ini selaras dengan fokus utama kurikulum sejarah melalui Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) adalah untuk melahirkan murid yang arif dan peka sejarah serta mampu menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang berdaya saing pada masa hadapan melalui penekanan kepada kesepaduan aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai (PPK, 2018). Justeru, proses pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah perlu diterapkan dengan konsep Pendidikan Alam Sekitar secara langsung mahupun secara tidak langsung dengan dua elemen utama iaitu elemen Kewarganegaraan dan Nilai Sivik yang memberi fokus untuk membentuk warganegara yang mempunyai perasaan kekitaan melalui kesedaran memelihara alam sekitar dan elemen Merentas Kurikulum melalui Kelestarian Alam Sekitar yang memberi fokus kepada pemupukan kesedaran mencintai dan menyayangi kepentingan alam sekitar dalam jiwa murid-murid.

1.1. Pernyataan Masalah

Tidak dapat disangkal bahawa kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid-murid perlu dipupuk melalui proses pengajaran dan pembelajaran bagi membentuk etika murid dalam menghargai alam sekitar. Namun, sejauh manakah tahap kesedaran dan profil pengetahuan murid-murid sejarah terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar masih belum diketahui lagi sejak pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Perkara ini adalah seiring dengan dapatan kajian-kajian lepas yang memaparkan tahap kesedaran dan pengetahuan yang berbeza-beza dalam kalangan pelajar-pelajar universiti dan murid prasekolah terhadap isu–isu alam sekitar (Hanifah et al., 2015; Jessica et al., 2020; Er et al, 2017; Saiful et al., 2020; Mojilis, 2019) yang telah menimbulkan satu keperluan kepada pengkaji untuk mendapatkan suatu gambaran awal tentang tahap kesedaran dan pengetahuan murid terhadap isu-isu kelestarian alam sekitar dalam kalangan murid sejarah. Maka, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesedaran kendiri dan profil pengetahuan awal terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar dalam kalangan murid sejarah.

1.2. Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti tahap kesedaran kendiri dan profil pengetahuan awal terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar dalam kalangan murid sejarah berdasarkan jantina dan aliran mata pelajaran, di samping menentukan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara kesedaran kendiri dan pengetahuan awal terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar.

1.3. Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

i. Mengenal pasti tahap kesedaran terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar dalam kalangan murid sejarah berdasarkan jantina dan aliran mata pelajaran.
ii. Mengenal pasti profil pengetahuan awal terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar dalam kalangan murid sejarah berdasarkan jantina dan aliran mata pelajaran.
iii. Menentukan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara kesedaran kendiri dan pengetahuan awal terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar dalam kalangan murid sejarah.

1.4. Soalan Kajian

Soalan kajian ini ialah:

i. Apakah tahap kesedaran terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar dalam kalangan murid sejarah berdasarkan jantina dan aliran mata pelajaran?
ii. Apakah profil pengetahuan awal terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar dalam kalangan murid sejarah berdasarkan jantina dan aliran mata pelajaran?
iii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kesedaran kendiri dan pengetahuan awal terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar dalam kalangan murid sejarah?

1.5. Hipotesis Kajian

Bagi menjawab soalan kajian ketiga, maka hipotesis nul kajian berikut telah dibentuk untuk diuji kesignifikannya pada aras nilai p=0.05 iaitu:

H_{o1}: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min kesedaran kendiri dan pengetahuan awal terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar

2. Metod Kajian

Kajian pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan ini melibatkan seramai 180 orang murid tingkatan empat yang telah ditentukan berdasarkan teknik persampelan rawak. Instrumen kajian ini merupakan soal selidik dan ujian yang telah diadaptasi dan kebenaran menggunakan instrumen tersebut juga telah diperoleh. Instrumen tersebut telah disemak dan disahkan kesahan kandungan dan konstruknya oleh pakar-pakar penilai. Kedua-dua instrumen tersebut juga telah dirintis dan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik dan diterima bagi tujuan kajian ini iaitu nilai *Cronbach Alpha* 0.92 bagi soal selidik dan *Kuder Richardson* 0.83 bagi ujian (Nunnally & Bernstein, 1994). Data kajian ini telah dianalisis secara statistik deskriptif dan inferensi iaitu ujian korelasi *Pearson* melalui perisian pengaturcaraan *IBMSPSS.* Interpretasi tahap min bagi kesedaran kendiri dalam kajian ini adalah berdasarkan tiga tahap kajian Jamil (2002) seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Tahap Min

Min	Tahap
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Adaptasi daripada Jamil (2002)

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Manakala, skor pengetahuan awal pula dalam kajian ini pula telah diinterpretasikan berdasarkan tiga tahap seperti yang ditunjukkan pada Jadual 2.

Jadual 2: Interpretasi Tahap Skor

Skor	Tahap
1 hingga 7	Rendah
8 hingga 13	Sederhana
14 hingga 20	Tinggi

Seterusnya, interpretasi kekuatan korelasi antara kesedaran kendiri dan pengetahuan awal dalam kajian ini telah dilakukan berdasarkan interpretasi daripada kajian Davies (1971) seperti yang ditunjukkan pada Jadual 3.

Jadual 3: Interpretasi Kekuatan Korelasi

Skor Min	Tahap
1.00	Kukuh
0.70 – 0.99	Sangat tinggi
0.50 - 0.69	Kukuh
0.30 – 0.49	Sederhana
0.10 - 0.29	Rendah
0.01 – 0.09	Boleh diabaikan

Sumber: Adaptasi daripada Davies (1971)

3. Dapatan Kajian

3.1. Kesedaran Kendiri Murid Sejarah Terhadap Isu-isu Kelestarian Alam Sekitar

Berdasarkan Jadual 4, tahap kesedaran kendiri murid sejarah terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar (M=3.37, SD=0.53) adalah berada pada tahap sederhana. Justeru, dapat disimpulkan bahawa tahap kesedaran kendiri murid terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar dalam kalangan murid sejarah berada pada tahap sederhana dalam kajian ini.

Jadual 4: Min dan Tahap Kesedaran Kendiri Terhadap Isu-isu Kelestarian Alam Sekitar

Konstruk	Min (M)	Sisihan Piawai (SD)	Tahap
Kesedaran kendiri	3.37	0.53	Sederhana

3.2. Kesedaran Kendiri Murid Sejarah Terhadap Isu-isu Kelestarian Alam Sekitar berdasarkan Ciri Demografi

3.2.1. Kesedaran Kendiri Murid Sejarah Terhadap Isu-isu Kelestarian Alam Sekitar berdasarkan Jantina

Berdasarkan Jadual 5, tahap kesedaran kendiri murid sejarah terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar bagi murid lelaki dan murid perempuan berada pada tahap sederhana walaupun min kesedaran kendiri bagi murid lelaki (M=3.37, SD=0.57) adalah lebih tinggi berbanding dengan murid perempuan (M=3.36, SD=0.49) dalam kajian ini. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap kesedaran kendiri murid sejarah terhadap isu-

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

isu Kelestarian Alam Sekitar berada pada tahap sederhana dalam kalangan murid lelaki dan murid perempuan dalam kajian ini.

Jadual 5: Min dan Tahap Kesedaran Kendiri Murid Terhadap Isu-isu Kelestarian Alam Sekitar Berdasarkan Jantina

Jantina	**Kesedaran Kendiri Terhadap Isu-isu Kelestarian Alam Sekitar**		
	Min (*M*)	**Sisihan Piawai (*SD*)**	**Tahap**
Lelaki (*N*=90)	3.37	0.57	Sederhana
Perempuan (*N*=90)	3.36	0.49	Sederhana

3.2.2. Kesedaran Kendiri Murid Sejarah Terhadap Isu-isu Kelestarian Alam Sekitar berdasarkan Aliran Mata Pelajaran

Berdasarkan Jadual 6, tahap kesedaran kendiri murid sejarah terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar bagi murid aliran sains, murid aliran STEM, murid aliran teknik, murid aliran sastera dan murid aliran kemahiran berada pada tahap sederhana walaupun min kesedaran kendiri bagi murid aliran sains (*M*=3.65, *SD*=0.40) adalah lebih tinggi berbanding dengan murid aliran STEM (*M*=3.34, *SD*=0.53), murid aliran teknik (*M*=3.35, *SD*=0.44), murid aliran sastera (*M*=3.24, *SD*=0.66) dan murid aliran kemahiran (*M*=3.27, *SD*=0.53) dalam kajian ini. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap kesedaran kendiri murid sejarah terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar berada pada tahap sederhana dalam kalangan murid aliran sains, murid aliran STEM, murid aliran teknik, murid aliran sastera dan murid aliran kemahiran dalam kajian ini.

Jadual 6: Min dan Tahap Kesedaran Kendiri Murid Terhadap Isu-isu Kelestarian Alam Sekitar Berdasarkan Aliran Mata Pelajaran

Aliran Mata Pelajaran	**Kesedaran Kendiri Terhadap Isu-isu Kelestarian Alam Sekitar**		
	Min (*M*)	**Sisihan Piawai (*SD*)**	**Tahap**
Aliran Sains (*N*=26)	3.65	0.40	Sederhana
Aliran STEM (*N*=41)	3.34	0.53	Sederhana
Aliran Teknik (*N*=47)	3.35	0.44	Sederhana
Aliran Sastera (*N*=36)	3.24	0.66	Sederhana
Aliran Kemahiran (*N*=30)	3.27	0.53	Sederhana

3.3. Pengetahuan Awal Murid Sejarah Terhadap Isu-isu Kelestarian Alam Sekitar

Berdasarkan Jadual 7, profil pengetahuan awal murid sejarah terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar yang berada antara skor 1 hingga 7 adalah seramai 40 orang murid (22.22 peratus) iaitu berada pada tahap rendah, skor 8 hingga 13 adalah seramai 136 orang murid (75.56 peratus) iaitu berada pada tahap sederhana dan skor 14 hingga 20 adalah seramai empat orang sahaja (2.22 peratus) iaitu berada pada tahap tinggi dalam kajian ini. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap profil pengetahuan awal murid sejarah terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar dengan bilangan dan peratusan tinggi adalah antara skor 8 hingga 13 iaitu berada pada tahap sederhana dalam kajian ini.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 7: Skor Pengetahuan Awal Terhadap Isu-isu Kelestarian Alam Sekitar

Skor Pengetahuan Awal Terhadap Isu-isu Kelestarian Alam Sekitar		
Skor 1 – 7 Rendah	Skor 8 – 13 Sederhana	Skor 14 – 20 Tinggi
40 (22.22 %)	136 (75.56 %)	4 (2.22 %)

3.4. Pengetahuan Awal Murid Sejarah Terhadap Isu-isu Kelestarian Alam Sekitar berdasarkan Ciri Demografi

3.4.1. Pengetahuan Awal Murid Sejarah Terhadap Isu-isu Kelestarian Alam Sekitar berdasarkan Jantina

Berdasarkan Jadual 8, profil pengetahuan awal murid sejarah terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar bagi murid lelaki yang berada antara skor 1 hingga 7 adalah seramai 18 orang murid (10.00 peratus) iaitu berada pada tahap rendah, skor 8 hingga 13 adalah seramai 71 orang murid (39.44 peratus) iaitu berada pada tahap sederhana, dan skor 14 hingga 20 adalah seorang sahaja (0.56 peratus) iaitu berada pada tahap tinggi dalam kajian ini. Manakala, profil pengetahuan awal murid sejarah terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar bagi murid perempuan yang berada antara skor 1 hingga 7 adalah seramai 22 orang murid (12.22 peratus) iaitu berada pada tahap rendah, skor 8 hingga 13 adalah seramai 65 orang murid (36.11 peratus) iaitu berada pada tahap sederhana dan skor 14 hingga 20 adalah seramai tiga orang sahaja (1.66 peratus) iaitu berada pada tahap tinggi dalam kajian ini. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap profil pengetahuan awal murid sejarah terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar dengan bilangan dan peratusan tinggi bagi murid lelaki dan murid perempuan adalah antara skor 8 hingga 13 iaitu berada pada tahap sederhana dalam kajian ini.

Jadual 8: Skor Pengetahuan Awal Terhadap Isu-isu Kelestarian Alam Sekitar Berdasarkan Jantina

Jantina	**Skor Pengetahuan Awal Terhadap Isu-isu Kelestarian Alam Sekitar**		
	Skor 1 – 7 Rendah	**Skor 8 – 13 Sederhana**	**Skor 14 – 20 Tinggi**
Lelaki (*N*=90)	18 (10.00%)	71 (39.44 %)	1 (0.56 %)
Perempuan (*N*=90)	22 (12.22 %)	65 (36.11 %)	3 (1.66 %)

3.4.2. Pengetahuan Awal Murid Sejarah Terhadap Isu-isu Kelestarian Alam Sekitar berdasarkan Aliran Mata Pelajaran

Berdasarkan Jadual 9, profil pengetahuan awal murid sejarah terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar bagi murid aliran sains yang berada antara skor 1 hingga 7 adalah seramai 13 orang murid (7.22 peratus) iaitu berada pada tahap rendah, skor 8 hingga 13 adalah seramai 10 orang murid (5.56 peratus) iaitu berada pada tahap sederhana dan skor 14 hingga 20 adalah tiga orang (1.66 peratus) iaitu berada pada tahap tinggi dalam kajian ini. Bagi murid aliran STEM pula, profil pengetahuan awal murid sejarah terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar bagi murid aliran STEM yang berada antara skor 1 hingga 7 adalah seramai 9 orang murid (5.00 peratus) iaitu berada pada tahap rendah, skor 8 hingga 13 adalah seramai 31 orang murid (17.22 peratus)

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

iaitu berada pada tahap sederhana dan skor 14 hingga 20 adalah hanya seorang (0.56 peratus) iaitu berada pada tahap tinggi dalam kajian ini. Manakala, profil pengetahuan awal murid sejarah terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar bagi murid aliran teknik yang berada antara skor 1 hingga 7 adalah seramai 5 orang murid (2.78 peratus) iaitu berada pada tahap rendah dan skor 8 hingga 13 adalah seramai 42 orang murid (23.33 peratus) iaitu berada pada tahap sederhana dalam kajian ini.

Seterusnya, profil pengetahuan awal murid sejarah terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar bagi murid aliran sastera yang berada antara skor 1 hingga 7 adalah seramai 5 orang murid (2.78 peratus) iaitu berada pada tahap rendah dan skor 8 hingga 13 adalah seramai 31 orang murid (17.22 peratus) iaitu berada pada tahap sederhana dalam kajian ini. Bagi murid aliran kemahiran pula, profil pengetahuan awal murid sejarah terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar bagi murid aliran kemahiran yang berada antara skor 1 hingga 7 adalah seramai 8 orang murid (4.44 peratus) iaitu berada pada tahap rendah dan skor 8 hingga 13 adalah seramai 22 orang murid (12.22 peratus) iaitu berada pada tahap sederhana dalam kajian ini. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap profil pengetahuan awal murid sejarah terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar dengan bilangan dan peratusan tinggi bagi murid aliran sains, murid aliran STEM, murid aliran teknik, murid aliran sastera dan murid aliran kemahiran adalah antara skor 8 hingga 13 iaitu pada tahap sederhana dalam kajian ini.

Jadual 9: Skor Pengetahuan Awal Terhadap Isu-isu Kelestarian Alam Sekitar Berdasarkan Aliran Mata Pelajaran

Aliran Mata Pelajaran	**Skor Pengetahuan Awal Terhadap Isu-isu Kelestarian Alam Sekitar**		
	Skor 1 – 7 Rendah	**Skor 8 – 13 Sederhana**	**Skor 14 – 20 Tinggi**
Aliran Sains (*N*=26)	13 (7.22%)	10 (5.56%)	3 (1.66%)
Aliran STEM (*N*=41)	9 (5.00%)	31 (17.22%)	1 (0.56%)
Aliran Teknik (*N*=47)	5 (2.78%)	42 (23.33%)	0
Aliran Sastera (*N*=36)	5 (2.78%)	31 (17.22%)	0
Aliran Kemahiran (*N*=30)	8 (4.44%)	22 (12.22%	0

3.5. Hubungan antara Kesedaran Kendiri dan Pengetahuan Awal Terhadap Isu-Isu Kelestarian Alam Sekitar

Berdasarkan Jadual 10, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai keofisien korelasi *Pearson* antara min kesedaran kendiri dan pengetahuan awal terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar [r=0.38, p=0.00] adalah signifikan.

Jadual 10: Hubungan antara Kesedaran Kendiri dan Pengetahuan Awal Terhadap Isu-isu Kelestarian Alam Sekitar

		Pengetahuan Awal
Kesedaran Kendiri	*Pearson Correlation*	0.38**
	Sig	0.00
	N	180

** *Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)*

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Oleh itu, terdapat hubungan linear positif yang signifikan secara sederhana tinggi antara min kesedaran kendiri dan pengetahuan awal terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar. Maka, H_{o1} telah berjaya ditolak. Justeru, dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan linear positif yang signifikan secara sederhana tinggi antara min kesedaran kendiri dan pengetahuan awal terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar dalam kajian ini. Perkara ini telah menerangkan bahawa sekiranya min kesedaran kendiri murid meningkat, maka pengetahuan awal murid terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar juga akan meningkat.

4. Perbincangan Kajian

Tahap kesedaran kendiri murid sejarah terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar yang berada pada tahap sederhana dalam kajian ini adalah bertentangan dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Muhammad Fazli dan Teoh (2006) yang telah melaporkan bahawa tahap keprihatinan terhadap alam sekitar dalam kalangan pekerja syarikat adalah berada pada tahap tinggi serta dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Kaviza dan Nurliyana Bukhari (2022) yang telah melaporkan bahawa tahap penghayatan terhadap elemen kelestarian dalam kalangan murid sejarah berada pada tahap tinggi. Sungguhpun begitu, tahap kesedaran kendiri yang sederhana terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar dalam kajian ini adalah sealiran dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Mohammed Affendy dan Nazirah (2014) yang telah menunjukkan bahawa tahap amalan Kelestarian Alam Sekitar masih berada pada tahap sederhana walaupun tahap keprihatinan mereka berada pada tahap tinggi. Tahap yang sederhana dalam kesedaran kendiri terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar yang telah dilaporkan dalam kajian ini adalah konsisten dengan dapatan kajian Akinkolu, Babarinda, Bakare dan Asekun (2017) yang telah melaporkan bahawa tahap kesedaran terhadap kepentingan Kelestarian Alam Sekitar dalam kalangan pelajar-pelajar universiti adalah sebanyak 43 peratus sahaja.

Selain itu, profil pengetahuan awal murid sejarah terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar yang berada pada tahap sederhana iaitu antara skor 8 hingga 13 dalam kajian ini adalah sealiran dengan dapatan kajian Jessica et al. (2020) yang telah melaporkan bahawa tahap pengetahuan alam sekitar, pengetahuan bahan kitar semula dan amalan penjagaan alam sekitar berada pada tahap sederhana dalam kalangan murid prasekolah. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini yang telah melaporkan bahawa profil pengetahuan awal murid sejarah terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar yang berada pada tahap sederhana didapati bertentangan dengan dapatan kajian-kajian lepas seperti dapatan kajian Hanifah et al. (2015) yang telah melaporkan bahawa tahap pengetahuan murid prasekolah berkaitan dengan isu bahan boleh dikitar dan bahan tidak boleh dikitar semula berada pada tahap tinggi dan dapatan kajian Abbas dan Singh (2014) yang telah melaporkan bahawa tahap pengetahuan terhadap alam sekitar berada pada tahap tinggi dalam kalangan pelajar universiti. Justeru, dapat disimpulkan bahawa tahap kesedaran kendiri dan profil pengetahuan terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar dalam kalangan murid sejarah berada pada tahap sederhana dalam kajian ini.

Tambahan pula, dapatan kajian ini yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan linear positif yang signifikan secara sederhana tinggi antara kesedaran kendiri dan pengetahuan awal terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar dalam kalangan murid sejarah adalah sealiran dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Muhamed Omar et al. (2019) yang telah menjelaskan bahawa terdapat hubungan signifikan antara suri teladan dan celik alam sekitar dalam kalangan murid. Di samping itu, dapatan kajian

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif secara signifikan antara keprihatinan alam sekitar dan amalan kepenggunaan hijau (Muhammad Fazli & Teoh, 2006) dan dapatan kajian yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan korelasi yang kuat secara signifikan antara pengetahuan alam sekitar dan pengetahuan bahan kitar semula (Jessica et al., 2020) telah menyokong dapatan kajian ini secara langsung. Hal ini demikian kerana kesedaran kendiri dan pengetahuan awal adalah saling mempengaruhi antara satu sama lain dalam penjagaan alam sekitar secara konsisten dan sistematik. Justeru, dapat disimpulkan juga bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kesedaran kendiri dan pengetahuan awal terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar dalam kalangan murid sejarah dalam kajian ini.

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, tahap kesedaran kendiri dan profil pengetahuan awal murid sejarah terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar berada pada tahap sederhana dalam kajian ini. Tambahan pula, kesedaran kendiri dan pengetahuan awal terhadap isu-isu Kelestarian Alam Sekitar adalah didapati saling mempengaruhi dalam kajian ini. Implikasi kajian ini telah memaparkan maklumat kepada para guru untuk menerapkan elemen Kelestarian Alam Sekitar dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah agar matlamat kurikulum sejarah untuk membentuk pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dalam membentuk etika murid-murid dalam menghargai alam dapat dicapai.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penulis merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbangkan kepakaran dalam sorotan literatur ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Abbas, M. Y. & Singh, R. (2014). A survey of Environment awareness, atitutudes and particaption among of university students: A case study. *International Journal of Science & Research, 3*(5), 1755 – 1760.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Akinkolu, G. O., Babarinda, G. M., Bakare, D. P. & Asekun, O. E. O. (2017). Awareness and Knowledge of the Sustainability Development golas in a University Community in Southwestern Nigeria. *Ethopia Jurnal Health Sciences, 27*(6), 669 – 676.

Davies, I. I. C. (1971). *The Management of Learning*. London: C Gain Hill.

Er, A. H. et al. (2017). Inisiatif kelestarian Kampus: tahap Pengetahuan, Kesedaran dan Amalan Lestari di Kalangan Kakitangan dan Pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Journal of Global Business and Enterpreneurship, 3*(6), 65-73.

Hanifah Mahat, Mohamed Suhaily Yusri Che Ngah & Nurul Izza Ahmed (2015). Kajian terhadap Amalan Kelestarian dalam kalangan murid prasekolah kementerian Pendidikan Malaysia Daerah Hulu Langat, Selangor. *Geografia, 3*(1), 25-36.

Jamil Ahmad. (2002). *Pemupukan Budaya Penyelidikan di Kalangan Guru di Sekolah: Satu Penilaian*. Tesis Ijazah Kedoktoran, Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia

Jessica Hanifah Mahat, Mohamadisa Hashim & Yazid Saleh. (2020). Pengetahuan dan Amalan Penjagaan Alam Sekitar dalam kalangan pelajar Pra sekolah. *Akademika, 90*(1), 3-13.

Kaviza, M. & Nurliyana Bukhari. (2022). Penghayatan Murid Sejarah Terhadap Kepentingan Elemen Kelestarian Global. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(5), e001861. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1861

Mohammed Affendy Omardin & Nazirah Zainal Abidin. (2014). *Konsep amalan kesedaran terhadap isu-isu alam sekitar di peringkat amalan projek pembinaan*. Social Sciences Postrgraduate International Seminar (SSPIS), 173-194.

Muhammad Fazli Sabri & Teoh, Y. Y. (2006). Tahap keperihatinan Alam Sekitar dan Amalan Kepenggunaan Hijau Pengguna di Petaling Jaya, Selangor. *Pertanika: Jurnal Social Science & Humanities, 14*(2), 95 – 109.

Mojilis, F. (2019). Sustainability awareness of students from a green university in Sabah Malaysia. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management, 4*(13), 24 – 33.

Muhamed Omar, Lee Dagul, Carolyn Mellissa Payus & Leong, W. V. (2019). Hubungan antara Suri Teladan dan Celik Alam Sekitar dalam Kalangan Murid Tingkatan 5 di Tawau, Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities, 4*(6), 22-31.

Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory* (3rd ed). New York: McGraw Hill.

Nurul Hidayah Liew Abdullah, Haryati Shafiri & Seow, T. W. (2013). P*emahaman Murid Tahun Enam terhadap Konsep dan Isu-isu Alam Sekitar: Satu Kajian Korelasi*. Kertas persidangan Kebangsaan Masyarakat, Ruang dan Alam Sekitar, Universiti Sains Malaysia.

Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK). (2018). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat dan Lima*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Saiful Amin, Sugeng Utaya, Syamsul Bachri Sunarmi & Singgih Susilo (2020). Effect of Problem based learning on critical thinking skills and environmental attitude. *Journal for the Education of Gifted Young Scientists, 8*(2), 743 – 755.

UNESCO. (2022). UNESCO moving forward the 2030 Agenda for Sustainable Development. *UNESCO*. Retrieved from: https://en.unesco.org/

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).